

BAHAGIAN V

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI PERAK

1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Mengikut Fasal (2) Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. LKAN Mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak Tahun 2020 Siri 1, LKAN Mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak Tahun 2021 Siri 1 serta LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Perak Tahun 2021 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 21 Disember 2022. LKAN Mengenai Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar, Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri dan Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Perak Tahun 2021 Siri 2 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 22 Mei 2023.

2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Perak telah bersidang sebanyak tiga kali bagi tempoh bulan September 2022 hingga 31 Ogos 2023. Bagaimanapun, hanya satu mesyuarat yang membincangkan isu-isu berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara. Butiran ringkas perkara yang dibincangkan oleh jawatankuasa semasa mesyuarat seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI PERAK SEHINGGA 31 OGOS 2023

BIL.	BIL. MESYUARAT / TARIKH	JABATAN/AGENSI	PERKARA
1.	Bil. 1 Tahun 2023 14 Mac 2023	-	Perbincangan perkara-perkara berbangkit dan hal-hal lain.
2.	Bil. 2 Tahun 2023 22 Mac 2023	Bahagian Kerajaan Tempatan, Setiausaha Kerajaan Negeri	Taklimat penyelenggaraan jalan Pihak Berkuasa Tempatan dan pembinaan lapangan terbang baharu di Seri Iskandar.
3.	Bil. 3 Tahun 2023 11 Mei 2023	-	Taklimat Pengarah Audit Negeri Perak mengenai Laporan Ketua Audit Negara Negeri Perak Tahun 2019 Siri 2, Tahun 2020 Siri 1 dan Tahun 2021 Siri 1.

Sumber: Jabatan Audit Negara